

Ruj. Kami : PMS/UP656-3/(62)

Tarikh : 19 April 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Sabah
Ibu pejabat
88582 KOTA KINABALU

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 03 TAHUN 2000**

KEWAJIPAN MENJAWAB PERTANYAAN AUDIT

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Pejabat ini dapati ada beberapa pemerhatian dan pertanyaan audit yang gagal dijawab atau diberi penjelasan oleh Pejabat Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan walaupun beberapa surat ulangan/peringatan telah dikemukakan oleh Jabatan Audit.

2. Adalah ditegaskan bahawa pegawai-pegawai awam dikehendaki dan menjadi kewajipan untuk memberi kepada Ketua Audit Negara segala kemudahan yang perlu dalam masa melaksanakan kewajipannya dan menjawab apa-apa pertanyaan dengan cepat iaitu tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh pertanyaan audit. Ini adalah berdasarkan Arahan Perbendaharaan (A.P)306 yang tercatat seperti berikut :

"AP306 - Adalah menjadi kewajipan semua Pegawai Awam memberi kepada Ketua Audit Negara segala kemudahan yang perlu dalam masa melaksanakan kewajipannya dan menjawab apa-apa pertanyaan audit dengan cepat iaitu tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh pertanyaan audit dialamatkan kepada mereka".

3. Pertanyaan Audit yang dikemukakan kepada Ketua Jabatan adalah bermaksud untuk mendapatkan perhatian mengenai urusan Kewangan atau atas sesuatu kesilapan atau ketinggalan yang perlu diperbetulkan dengan segera. Di samping itu pertanyaan-pertanyaan atau teguran-teguran Audit itu perlu dianggapkan sebagai satu punca bantuan kepada pengurusan.

4. Pejabat ini berharap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab haruslah mengambil tindakan dan berusaha untuk menjawab sepenuhnya pertanyaan Audit di dalam tempoh satu bulan. Jika Pegawai gagal untuk menjawab dan memberi penjelasan, ianya boleh disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Perintah Am Bab D.

Sekian dan di atas perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

T.T
(DATUK DR ABDUL AZIZ BIN MOHD ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan
Sabah

Pek.Perb3/2000